

Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search

Home > Berita Harian > 12 February 1973 > Page 7 > Badan2-RTS perlu kerjasama memajukan drama

Badan2-RTS perlu kerjasama memajukan drama

Berita Harian, 12 February 1973, Page 7

Article also available on Microfilm Reel NL7437

★ Add to Citation

< Previous Article

Next Article >

< Previous Page

Next Page >

Badan2-RTS perlu kerjasama memajukan drama

Tulisan Fatona dijawab

SAYA ingin merujuk tulisan seorang pembaca yang menamakan dirinya "Fatona K." dari Koon Seng Road Singapura sebagai menjawab tulisan saya (BH 29 Disember 72).

Dalam tulisan saya itu, telah ditegaskan berulang kali bahawa badan drama di Singapura masih mampu mengatasi segala kelemahan-kelemahannya kalau ada kesedaran di kalangan pertubuhan-pertubuhan drama sendiri untuk berusaha ke arah itu.

Pemergian beberapa orang tokoh drama dari Singapura untuk berkhidmat di luar negeri tidaklah bererti drama ditanahair kita sudah beku atau tandus.

Kita mestilah ambil sesuatu sikap bahawa tidak ada seorangpun di antara tokoh-tokoh drama yang "indispensible" walaupun

pengkritik yang benar-benar faham dengan pengertian drama yang sebenarnya tidak ramai di Singapura.

Semua ini perlu kita pertimbangkan dengan teliti kalau kita mahu menggiatkan perkembangan drama di negeri ini, yang telah menghadapi kemalapannya sejak ke belakangan ini.

Biarlah orang-orang lain menyangka bahawa drama-drama Melayu di Singapura telah malap asalkan kita tahu bahawa usaha-usaha telahpun dijalankan untuk menggalakkan perkembangannya

Information

Newspaper:
Berita HarianDate:
12 February 1973Reel Number:
NL7437

Share

Table of Contents

< Previous

Page 7

Next >

Badan2-RTS perlu kerjasama memajukan drama

Badan2-RTS perlu kerjasama memajukan drama Tulisan Fatona dijawab JJAYA ingin merujuk tulisan seorang

Penjual2 setem diminta siapkan syiling

Penjual2 setem diminta siapkan syiling pADA hari Selasa 6 x Februari pukul 9.00 pagi saya telah perki ke Pejabat

Vietnam: S'pura boleh bantu pembangunannya

Vietnam: S'pura boleh bantu pembangunannya CERAGAL robot yang pintas berdamian, maka caya

View Full Table of Contents >

macammana terkemuka
sekalipun tokoh-tokoh
itu.

Pemergian penerbit
drama yang terkenal se-
perti Encik Zain Mahmud
ke Malaysia, umpamanya,
bererti alam drama kita
telah mendung cuma RTS
perlulah mencari orang-
orang yang sesuai untuk
menggantikan tempatnya.
RTS telah pun mengam-
bil pengarah terkenal
Encik Bani Buang ber-
khidmat di TV.

Begitu juga dengan pe-
lakun-pelakun seperti
Salim Bachik, Aziz Sin-
gah, Roslee Jalil, Rubiah
Suparman dan lain-lain.

Singapura tidak pernah
kekurangan pelakun-
pelakun yang baik, tetapi
terpulanglah kepada ba-
dan-badan drama dan
pihak RTS sendiri men-
cungkil orang-orang yang
berbakat.

Dari segi ini perlulah
bagi RTS bekerjasama
dengan pertubuhan-per-
tubuhan drama tempatan
untuk mencari bakat-
bakat baru. Bakat-bakat
ini biasanya lahir dari
pementasan drama yang
sering diusahakan oleh
pertubuhan - pertubuhan
tempatan.

RTS tidak harus men-
gambil sikap memencil-
kan diri dan bersikap
'acuh tak acuh' terhadap
usaha-usaha yang di-
jalankan oleh pertubu-
han-pertubuhan tempat-
an. Hal ini kerana ramal
pelakun-pelakun yang se-
karang digunakan oleh
RTS sendiri kebanyakannya
lahir dari hasil usaha
pertubuhan - pertubuhan
drama tempatan.

Pihak RTS, dengan ker-
jasama pertubuhan-per-
tubuhan drama, boleh be-
kerjasama untuk menga-
dakan bengkel - bengkel
drama. Pada jangka-
panjang usaha ini akan
menguntungkan kedua-
dua pihak.

Semua drama yang per-
nah dipentaskan ataupun
yang pernah ditayangkan
menerusi talvisyen mes-
tilah dikritik dengan tu-
juan untuk menilai se-
jauh mana sesuatu drama
itu telah berjaya diusa-
hakan.

Saya anggap kritik ini
amatlah penting. Halini
kerana penerbit, penga-
rah, penulis skrip dan pe-
lakun akan tahu di mana
letaknya kelaamatan me-
reka.

Jika tidak mereka akan
menganggap usaha me-
mentaskan drama itu
sebagai suatu perkara
"routine" yang tidak perlu
menimbulkan sebarang
cabaran dan perbaikan.

Tetapi kita haruslah
sadar bahawa pengkritik-

pengkritik yang benar-

Oleh kerana kita hidup
di Singapura dalam mas-
yarakat perbandaran se-
karang, maka kita senti-
asa sibuk dengan urusan-
urusan peribadi dan kelu-
arga sendiri, terutama
dalam bidang ekonomi
dan perusahaan negara.

Kita perlu berusaha
mengikut cara kita sen-
diri untuk menggalakkan
perkembangan bidang-bi-
dang penting dalam hi-
dup kita tanpa melupakan
lapangan kesenian.

MOHD. SAFFARI A.

MANAF,

Singapura 14.

Penjual2 setem diminta siapkan syiling

PADA hari Selasa 6

Februari pukul 9.00

pagi saya telah perki ke
Pejabat Pos Maxwell
untuk membeli setem
kerana hendak menghantar
peraduan 'Gaya
Manis.'

Saya ikut pembeli-
pembeli yang lain ber-
baris di kounter sebelah
kanan. Pembeli di depan
saya membeli setem yang
berharga 35 sen. Dia
telah membayar dengan
duit syiling 40 sen.

Malangnya kerana pe-
rempuan penjual setem
itu tidak ada duit tukar
5 sen untuk dikembalikan
kepada pembeli tadi.

Penjual bertanya sa-
mada pembeli tadi punya
duit 5 sen di kocek-nya.
Pembeli memberitahu
kerani tersebut dia tidak
ada duit tukar lima sen.

Dengan cepat kerani
tadi menukarkan duit
balik dengan setem lima
sen. Pembeli enggan
menerima dan perteng-
karan kecil berlaku.

Saya harap pihak ber-
kuasa Pejabat Pos yang
berkenaan mengambil
contoh pejabat-pejabat
Pos yang lain agar dapat
kiranya menyediakan
duit tukar terlebih dulu
(terutama duit - duit
syiling) untuk memu-
dahkan kedua-dua pihak
—pembeli dan penjual.

ISBA

Singapura 14.

benar ramai dengan pengertian drama yang sebenarnya tidak ramai di Singapura.

Semua ini perlu kita pertimbangkan dengan teliti kalau kita mahu menggiatkan perkembangan drama di negeri ini, yang telah menghadapi kemalapannya sejak ke belakangan ini.

Biarlah orang-orang lain menyangka bahawa drama-drama Melayu di Singapura telah malap asalkan kita tahu bahawa usaha-usaha telahpun dijalankan untuk menggalakkan perkembangannya.

Oleh kerana kita hidup di Singapura dalam masyarakat perbandaran sekarang, maka kita sentiasa sibuk dengan urusan-urusan peribadi dan keluarga sendiri, terutama dalam bidang ekonomi dan perusahaan negara.

Kita perlu berusaha mengikut cara kita sendiri untuk menggalakkan perkembangan bidang-bidang penting dalam hidup kita tanpa melupakan lapangan kesenian.

**MOHD. SAFFARI A.
MANAF,
Singapura 14.**

Related Articles

Tulisan M. Saffar mengenai drama dijawab

Berita Harian 12 January 1973

Tulisan M. Saffar mengenai drama dijawab
SEBAGAI peminat seni drama, s...

Apakah drama Melayu di Singapura mundur kerana ramai tokoh hijrah ke luar negeri?

Berita Harian 29 December 1972

Apakah drama Melayu di Singapura mundur kerana ramai tokoh hijrah ke l...

Drama Kecaman orang2 asing harus gigihkan usaha kita

Berita Harian 4 January 1973

Drama Kecaman orang2 asing harus gigihkan usaha kita Surat surat untuk...



National Library Board
Singapore

[Contact Us](#) [Feedback](#) [FAQ](#)



[Report Vulnerability](#) [Terms of Use](#) [Linking Disclaimer](#) [Privacy Statement](#) [Takedown Policy](#) [Browser Compatibility](#)

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019